

PENERIMAAN MASYARAKAT MELAYU KE ATAS MOTIF KERONGSANG

OLEH

ELSA MAJMIZA BT. MURAD KHAN

97345531

KURSUS SENI REKA LOGAM HALUS

SARJANA MUDA SENI LUKIS DAN SENI REKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAMPUS KELANTAN


**PENERIMAAN MASYARAKAT MELAYU KE ATAS MOTIF KERONGSANG**

Dengan ini adalah disahkan bahawa tesis ini telah disiapkan oleh :

Nama : Elsa Majmiza Bt. Murad Khan

K/P UiTM : 97345531

Tesis ini telah dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Logam Halus.

1. Diperiksa oleh .....  ..... Tarikh 22/09/2007
2. Diperiksa oleh ..... Tarikh .....
3. Diperiksa oleh ..... Tarikh .....

Dekan

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, segala puji bagiNya.

Bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNya saya telah berjaya menyiapkan penulisan penyelidikan tesis yang bertajuk 'Penerimaan Masyarakat Melayu Ke Atas Motif Kerongsang'. Saya berharap dengan terhasilnya penulisan tesis ini akan memberi manfaat dari segi kefahaman serta penjelasan mengenai motif kerongsang yang terdapat dalam koleksi barang kemas masyarakat Melayu.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan serta terima kasih kepada Tuan Haji Dahuri Idris selaku penasihat tesis dan Encik Md Sabri Mohamad yang telah banyak memberi idea serta nasihat dan tunjuk ajar dalam proses menyiapkan tesis ini.

Kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, diucapkan terima kasih. Antaranya pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam, Muzium Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Kota Bharu, Perpustakaan UiTM Machang dan Faiq Jewels Sdn. Bhd. serta kedai – kedai emas disekitar Shah Alam.

Ucapan ini khas untuk ayahanda dan bonda, Encik Murad Khan Hedayat Khan dan Bashah Ahmad yang telah banyak bekorban wang dan tenaga dalam membantu, memberi

nasihat dan dorongan serta mendoakan kejayaan anakanda. Insyaallah segala pengorbanan dan nasihat ayahanda dan bonda akan diingat selalu.

Terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga saya yang lain yang turut sama bersusah payah dalam membantu menyiapkan tesis ini. Terutama sekali kepada kedua – dua orang kakak, Eyja dan Emi yang disayangi, *thank you very much for all the guidance and the help*. Untuk sepupu yang disayangi, Azni terima kasih kerana bersusah payah dalam mencari maklumat mengenai kerongsang walaupun sibuk.

Ucapan terima kasih istimewa ini ditujukan khas kepada teman serumah, Harziana, Ayu Mawarni dan Mohaiza Nazra yang telah banyak memberi nasihat dan pertolongan serta bersama – sama bersengkang mata untuk menyiapkan tesis ini.

Terima kasih Nana, Ayu dan Along, kita telah bersama hampir empat tahun semoga persahabatan ini terus bekekalan. Insyaallah. Juga tidak dilupakan kepada Hasliana, Haslina Hashim dan Norafzan. Terima kasih kerana berkongsi maklumat bersama.

Bagi pihak – pihak yang tidak bekesempatan dinyatakan disini, pertolongan anda semua amatlah dihargai. Kepada semua yang terlibat sekali lagi ucapan terima kasih diucapkan. Jasa anda akan dihargai dan dikenang selalu. Insyaallah.

## SINOPSIS

Masyarakat Melayu terkenal dengan koleksi barang kemas yang memaparkan keindahan, keunikan serta kehalusan proses pembuatannya.

Beberapa bentuk perhiasan diri yang tidak kurang pentingnya ialah kerongsang. Rupa bentuk kerongsang ini selalunya menggambarkan motif tumbuhan, daun, putik atau kelopak bunga, sayap unggas, rerama, burung dan sebagainya.

Kerongsang memperlihatkan fungsi gunaanannya sebagai penyemat pada pakaian. Perhiasan ini dikategorikan sebagai sejenis perhiasan diri dari emas dan lain – lain yang disematkan pada dada baju. Kerongsang disematkan pada belahan baju kebaya labuh disusun tiga sederet atau saling berangkai antara satu sama lain iaitu satu kerongsang ibu dan dua kerongsang anak.

Walaupun, masa kini penggunaan kerongsang lebih kepada hiasan pada pakaian semata – mata. Oleh itu berlaku perubahan kepada motif kerongsang menjadikannya lebih menarik untuk digayakan.

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana masyarakat Melayu dapat menerima perubahan yang berlaku ke atas motif kerongsang serta untuk melihat penerimaan masyarakat Melayu ke atas motif kerongsang moden dan kerongsang tradisi.